



PETA MALAYSIA



Sumber : http://www.malaysianmap.org/images/map_country_malaysia.jpg

STRUKTUR ORGANISASI UMNO



Sumber: Ahmad Atory Hussein, *Pembentukan Dasar Awam Malaysia, Hubungannya dengan Politik UMNO dan Birokrasi*, (Kuala Lumpur: Utusan Publication, 1985), hlm. 73.

Fungsi Dari Posisi-Posisi Elit Politik Dalam UMNO

Presiden UMNO :

- Merupakan Ketua Partai yang bertanggung jawab atas kesempurnaan pergerakan UMNO secara keseluruhan.
- Melantik *Setiausaha Agung*, Bendahara Agung, Sekretaris Kerja, Ketua Penerangan melalui persetujuan *Majlis Tertinggi* (MT) dan bertanggung jawab atas kesempurnaan tugas masing-masing posisi yang dilantik.
- Bertanggung jawab atas semua pegawai dan panitia *Setiausaha Agung* UMNO.
- Mengadakan dan memimpin sidang MT.
- Melantik 7 orang anggota MT.

Timbalan Presiden UMNO :

- Membantu tugas-tugas Presiden UMNO.
- Memimpin sidang MT jika Presiden UMNO tidak dapat hadir

Naib Presiden UMNO :

- Bertanggung jawab langsung kepada Presiden UMNO, yaitu membantu tugas-tugas Presiden UMNO.
- Memimpin sidang MT jika Presiden maupun *Timbalan Presiden* UMNO tidak hadir.

Setiausaha Agung UMNO :


- Bertanggung jawab langsung kepada Presiden UMNO.
- Mengurus penyelenggaraan kantor pusat UMNO.
- Melaporkan penyelenggaraan kantor pusat kepada Presiden UMNO.
- Bertanggung jawab atas kesempurnaan sidang-sidang MT dan Pemilihan UMNO.
- Melaporkan kegiatan tahunan yang dilakukan oleh UMNO kepada MT.

Bendahara Agung UMNO :

- Bertanggung jawab atas urusan keuangan di kantor pusat UMNO.
- Mengurus kegiatan tahunan mengenai keuangan kepada MT.
- Mengurus laporan keuangan untuk disahkan oleh pegawai keuangan.
- Bertanggung jawab terhadap laporan keuangan yang disahkan oleh pegawai keuangan kepada MT.

Sumber : Chamil Wariya, *Siapa Kuasai UMNO?*, (Kuala Lumpur: Media Intelek, 1985), hlm. 168.

STRUKTUR ORGANISASI BN



Organisation chart of Barisan Nasional

AGIFIRE



Rekod & Perkembangan

PERTUBUHAN KEBANGSAAN MELAYU BERSATU (BARU) ATAU UMNO

No. 1/88

PERBICARAAN KES UMNO

Pada 25 Jun 1987, sekumpulan ahli-ahli UMNO telah mengambil satu tindakan yang tidak pernah dibuat sebelumnya dan meninggalkan kesan parah ke atas parti ini. Mereka mengemukakan saman di Mahkamah Tinggi menuntut pemilihan dalam Perhimpunan Agung UMNO pada 24 April tahun itu diisytiharkan tidak sah. Tujuannya nyata iaitu dengan Perhimpunan Agung diadakan sekali lagi dan pemilihan dibuat semula, memberi harapan kepada pihak yang telah tewas dalam pertandingan Majlis Tertinggi untuk mencapai kemenangan bagi diri mereka, walaupun apa terjadi kepada UMNO.

Plaintif dalam kes ini yang pada mulanya 12 orang tinggal 11 orang, terdiri daripada :-

- | | | |
|----------------------------------|---|---|
| 1. Mohd. Noor bin Othman | - | Ketua UMNO Cawangan Bukit Tambun, Nibong Tebal. |
| 2. Mohd. Yusof bin Othman | - | ahli dan wakil UMNO Cawangan Kampong Baru, Nibong Tebal. |
| 3. Muda bin Yaakub | - | Ketua UMNO Cawangan Bukit Wong "A", Pasir Puteh. |
| 4. Abdul Rahman bin Yaakub | - | Ketua UMNO Cawangan Batu Hitam, Pasir Puteh |
| 5. Mohd. Yusof bin Yunus | - | Ketua UMNO Cawangan Gong Kedah, Pasir Puteh. |
| 6. Abdul Rahman bin Hassan | - | Ketua UMNO Cawangan Pangkal Melerat, Machang. |
| 7. Daud Che Soh | - | Ketua UMNO Cawangan Kampong Pek, Machang. |
| 8. Mohamad Noor bin Senak | - | ahli UMNO Cawangan Pengkalan Machang, Chetok, Rantau Panjang. |
| 9. Mokhtar bin Haji Mohamad | - | Timbalan Pengerusi Tetap UMNO Cawangan Pekan Lama, Pekan. |
| 10. Kamaruddin bin Haji Awang | - | Ketua Pemuda UMNO Bahagian Beruas. |
| 11. Abdul Rahim bin Abdul Rahman | - | ahli UMNO Cawangan Tanjung Agas, Teluk Kemang. |

Plaintif diwakili oleh Pequam Raja Aziz Addruse, Muhamad Shafee Abdullah dan Cik Christina Kow.

Pihak defendan dalam kes ini terdiri daripada:-

- | | | |
|------------------------------|---|------------------------------------|
| 1. Haji Mohd Ismail bin Haji | - | Setiausaha UMNO Bahagian Jelutong. |
|------------------------------|---|------------------------------------|



- | | | |
|-------------------------------------|---|--|
| 2. Nordin bin Haji Mohd. Noor | - | Setiausaha UMNO Bahagian Nibong Tebal. |
| 3. YB Haji Wan Omar bin Wan Majid | - | Setiausaha UMNO Bahagian Pasir Puteh. |
| 4. Idris bin Haji Mamat | - | Setiausaha UMNO Bahagian Machang |
| 5. Mamat bin Jusoh | - | Setiausaha UMNO Bahagian Rantau Panjang. |
| 6. YB Drs. Abdul Manaf bin Abdullah | - | Setiausaha UMNO Bahagian Pekan |
| 7. YB Dato Seri Sanusi Junid | - | Setiausaha Agung UMNO |
- Defendant diwakili oleh Encik G.Sri Ram, Encik Zaki Tun Azmi, Cik Ju-liana Solomon, Encik W.W. Cheng dan Encik Ghandi Singam.

Perbicaraan bermula pada 25 Januari 1988 dan pada hari terakhir 4 Februari 1988, Hakim Datuk Harun Hashim mengumumkan bahawa UMNO adalah sebuah pertubuhan tidak sah berdasarkan Seksyen 12(3) Akta Pertubuhan yang menyebut bahawa jika sesuatu pertubuhan menubuhkan Cawangan tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada Pendaftar Pertubuhan itu dan Cawangannya disifatkan sebagai tidak sah.

Dengan keputusan mahkamah itu, UMNO yang telah wujud sejak tahun 1946 dan telah melalui berbagai peristiwa dalam menghidupkan perjuangan orang-orang Melayu, mencapai kemerdekaan dan seterusnya membina negara, akhirnya tamat riwayatnya pada 4 Februari 1988. Tetapi di atas kemusnahan yang lama, telah dibina semula sebuah UMNO baru yang berdasarkan semangat dan perjuangan UMNO asal, dengan tujuan-tujuan yang tidak berubah.

PERBICARAAN :

25 Januari :

Perbicaraan saman di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur yang dikemukakan oleh 11 orang anggota UMNO yang mempertikaikan kesahihan pemilihan dalam Perhimpunan Agung UMNO tahun lalu ditangguhkan sehingga esok. Kes itu sepertutnya didengar pada hari ini tetapi Hakim Datuk Harun Hashim menangguhkannya bagi membolehkan peguam kedua-dua pihak mencapai persetujuan tentang beberapa fakta kes.

Sebelas anggota UMNO itu menyaman Setiausaha Agung Parti YB Dato Seri Sanusi Junid dan Setiausaha 6 Bahagian UMNO menuntut mahkamah mengisyiharkan Perhimpunan Agung parti pada April 1987 tidak sah dan batal dan memerintahkan pemilihan dan Perhimpunan Agung diadakan semula.

Mereka antara lain mendakwa bahawa 30 Cawangan yang belum didaftarkan telah menghantar perwakilan peringkat Bahagian dan perwakilan Bahagian ke Perhimpunan Agung itu tidak sah, tetapi defendant mendakwa Perhimpunan Agung itu diadakan secara sempurna.

26 Januari :

Mahkamah Tinggi yang mendengar perbicaraan diberitahu oleh G. Sri Ram, yang mewakili lima daripada lapan defendant, bahawa plaintif tidak mempunyai hak kerana mereka bukan sahaja tidak bertanding dalam perhimpunan Agung UMNO pada 24 April 1987, bahkan tidak terlibat secara langsung ekoran pemilihan yang dibuat. Katanya, plaintif yang sepertutnya mengemukakan saman tidak berbuat demikian, sebaliknya pihak ketiga (plaintif



sekarang) pulak yang cuba mendapatkan penyelesaian dan permohonan mereka itu harus ditolak kerana mereka tidak sedikitpun terjejas.

Satu lagi sabab bilamana mahkamah boleh masuk campur urusan sebuah pertubuhan seperti UMNO ialah jika terbukti berlakunya pelanggaran hak-hak asasi akibat daripada perintah yang berbentuk hukuman yang dikenakan ke atas ahli pertubuhan itu oleh pihak yang diberi kuasa untuk mengeluarkan perintah tersebut.

UMNO, kata Encik Ram, bukanlah satu kesatuan sahaja yang memberi faedah ke atas ahli-ahlinya. Hak untuk mengundi, hak untuk menyuarakan pendapat dan hak untuk bertanding bukanlah hak-hak kebenaran yang boleh menguatkuasakan sebarang perisyiharan atau perintah halangan. Ia adalah hak moral yang kabur dan tidak menentu, yang mana pelanggarannya tidak boleh membawa kepada sesuatu tindakan di sisi undang-undang atau keadilan, hujah peguam defendant.

Peguam Raja Aziz Addruse yang berhujah sebelum itu, berkata penglibatan perwakilan dari Cawangan-Cawangan UMNO yang tidak didaftarkan telah menyebabkan semua pemilihan di peringkat Bahagian dan Perhimpunan Agung parti itu tidak sah dan batal. Dalam kes ini, katanya empat Bahagian UMNO telah dipastikan tidak mendapat kelulusan Cawangan-Cawangan-ya sebelum pemilihan perwakilan dari Cawangan-Cawangan itu dibuat untuk menghadiri mesyuarat Perwakilan Bahagian.

Tindakan tersebut, hujah beliau, telah melanggar Seksyen 12 Akta Pertubuhan 1966 yang menghendaki setiap Cawangan didaftar dan mendapat kelulusan Pendaftar Pertubuhan sebelum sebarang pemilihan dibuat. Kehadiran ahli-ahli dari Cawangan-Cawangan yang tidak berdaftar dan penglibatan mereka dalam pemilihan perwakilan telah menyebabkan pemilihan dan keputusan mesyuarat-mesyuarat Bahagian itu tidak sah, hujah beliau. Penglibatan mereka itu, adalah bertentangan dengan keperluan asas dalam mana-mana pemilihan.

27 Januari :

Peguam yang mewakili UMNO, Encik G. Sri Ram dalam hujahnya, menyatakan bahawa kumpulan yang menyaman UMNO sepatutnya membawa aduan mereka kepada Majlis Tertinggi terlebih dahulu dan bukan kepada mahkamah untuk mendapat penyelesaian Mahkamah Tinggi.

Katanya perlumbagaan UMNO jelas memperuntukkan bahawa setiap aduan atau pertelingkahan hendaklah terlebih dahulu dirujuk kepada Majlis itu dan diselesaikan cara dalaman. Penyelesaian pilihan dalam kes ini tidak semestinya berdasarkan undang-undang malah ia boleh dilakukan dengan cara tersebut yang memang terbuka kepada plaintif pada ketika itu.

Dalam hujah selanjutnya, Encik Ram berkata bahawa dalam perlumbagaan UMNO Setiausaha Agung parti berkewajipan untuk mengambil langkah-langkah tertentu sama ada berhubung mesyuarat-mesyuarat Bahagian, Cawangan, Pemuda atau Perhimpunan Agung. Penyelesaian yang betul yang seharusnya dilakukan oleh plaintif yang mengadu tentang adanya ketidaksesuaian ialah dengan mendapatkan perintah mediator terhadap defendant (YB Dato Seri Sanusi Junid), menghendaki beliau mengendalikan aduan-aduan itu menurut perlumbagaan UMNO yang menjadi panduan mereka.

Encik Ram juga berkata ini adalah kerana satu daripada prinsip dalam melaksanakan budi bicara untuk memberi atau menolak sesuatu perisyiharan yang dipohon ialah adanya penyelesaian pilihan.



Beliau sebelum ini juga berhujah bahawa tiada seorangpun di antara plaintif tersebut yang telah digugurkan atau dipecat daripada mana-mana jawatan secara salah ataupun pemilihan yang ditandingi oleh mereka dan kemudian kalah dikendalikan secara tidak betul.

Tuntutan mereka tidak mendatangkan sebarang faedah terhadap diri mereka sendiri, sebaliknya mereka juga menyekat orang lain. Peguam itu menambah beliau yakin YAB Encik Ghafar ada sesuatu yang hendak dikatakan tentang kes ini, tetapi beliau tidae disini. Calon-calon yang menang dalam pemilihan itu juga mungkin mempunyai sesuatu yang hendak diperkatakan, tetapi mereka juga tidak berada di situ.

Adalah tidak betul bagi mahkamah untuk membuat sebarang perisyiharan yang serius yang melibatkan mereka itu jelas beliau. Ketanya, plaintiflah yang menuntut perisyiharan yang meluas, mereka juga yang mempertikaikan pemilihan pada 24 April itu dan mereka jugalah yang seolah-olah mendapat faedah daripadanya.

Oleh yang demikian mereka lah yang perlu memastikan bahawa keputusan kes ini benar-benar memberi faedah kepada mereka. Mereka juga perlu menentukan bahawa mahkamah ini tidak bertindak membuat sesuatu perisyiharan yang tidak berguna, tegas peguam itu. Dan memandangkan mereka jugalah yang menuntut untuk mengenepikan keputusan pemilihan pada 24 April itu, tambah Encik Ram, mereka jugalah yang bertanggungjawab memastikan bahawa calon-calon yang menang dan yang kalah ada di mahkamah.

Dengan membuat perisyiharan, kata Encik Ram, mahkamah telah melanggar keadilan asasi terhadap orang-orang yang belum didengar hujahnya dan beliau tidak dapat memberikan jawapan kenapa mereka itu tidak ada di sini. Ia adalah tanggungjawab pihak plaintif untuk menjawabnya.

Ketika menggulung hujahnya berhubung perkara-perkara yang ditimbukannya hari ini dan semalam. Encik Ram berkata budi bicera hanya boleh dilaksanakan bertentangan dengan plaintif kerana :-

(1) Sebarang perisyiharan yang diberikan oleh mahkamah tidak akan merangkumi pihak-pihak yang sebenarnya terlibat dan mahkamah akan hanya bertindak secara sia-sia sedangkan mahkamah tidak patut berbuat demikian ; dan

(2) Oleh kerana prinsip yang sudah ditetapkan, semua pihak yang terlibat mesti dikemukakan di mahkamah sama ada sebagai plaintif dan defendant atau melalui perwakilan. Tetapi ini tidak dilakukan dan dengan itu perisyiharan tidak harus diberikan.

Encik Ram selanjutnya berhujah bahawa persoalan pihak plaintif itu tidak boleh diselesaikan dengan cara yang dilakukannya, kerana jika plaintif betul dalam soal ini dan perlumbagaan UMNO merupakan ikatan (kontak), maka mereka perlu melakukan segala-galanya dalam semangat ikatan itu untuk memastikan bahawa penyelesaian dalam diperolehi.

28 Januari :

Dalam pembicaraan saman 11 orang ahli UMNO yang mencabar kesahihan Perhimpunan Agung UMNO 24 April 1987, mahkamah telah menangguhkan untuk membolehkan para peguam pihak-pihak yang terlibat menyediakan dokumen sokongan bagi fakta-fakta berkaitan dengan saman itu yang mereka persetujui sebelum ini.



2 Februari:

Dalam pembicaraan hari ini, peguam Raja Aziz Addruse yang mewakili pihak plaintif memberitahu mahkamah bahawa kumpulan yang menyaman UMNO berhak membawa aduan mereka ke mahkamah akibat sikap Setiausaha Agung parti itu yang tidak melayan aduan yang terlebih dahulu dikemukakan kepadanya.

Oleh yang demikian adalah tidak betul jika pihak defendant mengatakan bahawa plaintif telah tidak terlebih dahulu mendapat penyelesaian dalam sebelum membawa aduan mereka ke mahkamah, hujah peguam Raja Aziz.

Dalam hujahnya peguam Raja Aziz juga berkata, hubungan antara plaintif dan UMNO adalah berdasarkan kontrak dan hubungan itu boleh diwujudkan tanpa adanya pembentukan undang-undang. Beliau memberi contoh hubungan kontraktual di antara ahli-ahli syarikat disebut di bawah Seksyen 31 Akta Syarikat. Oleh yang demikian, memandangkan tidak ada persamaan sesyken ini di dalam Akta Pertubuhan, maka andaiannya mesti bahawa ahli-ahli pertubuhan seperti UMNO tidak mempunyai hubungan kontraktual dan beliau menegaskan bahawa maksud seperti ini tidak boleh dikekalkan menukar undang-undang.

Peguam itu berkata demikian kerana penerimaan seseorang itu sebagai anggota sesuatu pertubuhan atau kelab dengan sendirinya membentuk hubungan itu. Beliau juga berkata plaintif berhak memastikan hak mereka di bawah peraturan perlembagaan UMNO. Mereka berhak dengan nama mereka sendiri membawa kes itu ke mahkamah dan bukannya berlindung di sebalik kain orang lain.

Plaintif juga, hujah Raja Aziz, telah secara tidak adil dikatakan bertindak di sebalik kain orang lain. Plaintiff berhak untuk mendapatkan perintah mahkamah kerana tindakan yang bertentangan dengan perlembagaan dan telah menjadi asas dalam undang-undang kita bahawa tidak ada kesilaan yang tidak boleh dibetulkan, kata beliau.

Jika plaintif sebagai ahli UMNO mendapatkan bahawa perlembagaan parti telah tidak dipatuhi iaitu dengan memberarkan perwakilan dari Cawangan-Cawangan yang tidak didaftarkan menyertai pemilihan, adalah terbuka bagi plaintif untuk datang ke mahkamah dan mengatakan bahawa di bawah kontrak yang merangkumi hubungan mereka sesama sendiri, mereka berhak untuk memastikan bahawa pemilihan pemegang-pemegang jawatan dibuat dengan teratur, jelas peguam itu.

Mereka juga, katanya, berhak meminta perisyiharan bahawa pemilihan itu tidak sah dan plaintif selanjutnya berhak memastikan pemilihan dibuat secara demokrasi dan bukan saja pihak yang kalah yang harus datang ke mahkamah.

Peguam Raja Aziz seterusnya menegaskan sebagai pemilih, mereka mempunyai hak berasingan untuk datang ke mahkamah dan adalah tidak betul untuk menyatakan bahawa dalam pemilihan seperti ini, hak pihak yang kalah dan menang sahaja yang boleh datang ke mahkamah. Pemilih, tambahnya berhak datang ke mahkamah tetapi dia tidak berhak menyaman bagi pihak mereka yang kalah dan tindakan mereka hendaklah atas hak mereka sendiri.

Pihak plaintif juga mengemukakan hujah bahawa berdasarkan kontrak di dalam hubungan sesama ahli dalam UMNO, pihaknya boleh menyaman manapun ahli UMNO dan menamakan Setiausaha Agung parti bagi pihak mereka. Setiausaha Agung parti juga disebut sebagai pegawai khas atau pegawai awam bagi UMNO dan dengan itu dengan menamakan beliau sebagai defendant



sudah memadai untuk mewakili calon-calon yang berjaya dalam pemilihan berkenaan, hujah Raja Aziz.

3 Februari :

Peguam Raja Aziz Addrus yang mewakili pihak plaintif telah membukukan satu isu di mahkamah bahawa UMNO boleh dianggapkan satu pertubuhan yang haram jika terdapat Cawangan-Cawangan yang tidak diluluskan. Ini berdasarkan kepada Akta Pertubuhan bahawa sesebuah pertubuhan dianggapkan haram jika Cawangan-Cawangannya ditubuhkan tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan daripada Pendaftar dan Akta itu juga memberi kuasa kepada Pendaftar untuk membatakan pendaftaran sesebuah pertubuhan, tambahnya.

Bagaimanapun, peguam Raja Aziz berkata mahkamah boleh memilih untuk hanya memberi perhatian kepada Cawangan-Cawangan yang tidak diluluskan dan tidak mengisyiharkan UMNO sendiri haram.

Mengenai perkara itu, Hakim Datuk Harun Hashim yang mendengar kes itu bertanya, "Anda berkata saya tidak harus mengisyiharkan UMNO sendiri sebagai pertubuhan haram... Bagaimana bula dengan Cawangan-Cawangan itu?" Raja Aziz menjawab bahawa Cawangan-Cawangan itu adalah haram dan sudah pasti Cawangan-Cawangan itu tidak boleh melarikan diri.

Raja Aziz yang meneruskan hujahnya sejak semalam, berkata dalam kes ini mahkamah mempunyai pilihan ia boleh sama ada mengeluarkan perintah yang dipohonkan oleh pelanggannya dan tidak mengisyiharkan UMNO sebagai sebuah pertubuhan haram atau jika sebelas orang itu didapati tidak berhak mendapatkan perintah-perintah itu, ia adalah semata-mata kerana mereka menjadi anggota-anggota sebuah pertubuhan haram, katanya. Dalam keadaan itu, kata peguam, pemilihan parti itu akan menjadi tidak sah.

Pada satu ketika perbicaraan hari ini Raja Aziz apabila ditanaya oleh Hakim Datuk Harun Hashim, bersetuju bahawa UMNO perlu mendaftr semula andainya ia diisyiharkan sebagai sebuah pertubuhan haram.

Semasa menghujah mengenai perkara yang berkaitan dengan satu kontrak antara sebelas orang itu dengan UMNO, Raja Aziz berkata, pelanggan-pelanggan memohon bantuan mahkamah berhubung dengan hak mereka di bawah kontrak itu yang merupakan prima facie satu kontrak yang sah. Mereka cuba menghalang anggota-anggota lain UMNO, yang menjadi pihak lain kontrak itu, daripada melanggar undang-undang, tambahnya.

Peguam juga menghujah mengenai soal pemilihan parti tidak dijalankan secara 'bebas dan adil', sambil mendakwa pemilihan pada mesyuarat Perwakilan Bahagian tidak diselesaikan dengan bebas.

Katanya, hanya mereka yang menguasai Bahagian-Bahagian boleh mengetahui Cawangan-Cawangan mana yang ditubuhkan dengan betul dan menambah bahawa walaupun pelanggan-pelanggan memegang jawatan dalam Cawangan masing-masing, mereka tidak mempunyai keupayaan untuk menentukan beberapa Cawangan ditubuhkan tanpa terlebih dahulu mendapatkan kelulusan Pendaftar Pertubuhan.

Raja Aziz berkata, hakikat bahawa Bahagian-Bahagian membenarkan perwakilan dari Cawangan-Cawangan yang tidak diluluskan turut serta merupakan suatu penyelewengan. Jika berlaku penyelewengan mahkamah hendaklah memberikan perhatian berat terhadap perkara-perkara yang



tidak betul berkaitan dengan pemilihan, dan menambah bahawa ini bermakna tidak memenuhi undang-undang sehingga mahkamah wajar mengisyiharkan mesyuarat-mesyuarat seperti itu sebagai tidak sah.

Mengenai Perhimpunan Agung, peguam berkata sekalipun jika Perhimpunan Agung itu pada keseluruhannya sah, kehadiran perwakilan dari Bahagian-Bahagian yang tidak diluluskan, boleh menjelaskan keputusan pemilihan pada Perhimpunan Agung itu.

Raja Aziz kemudiannya meminta kebenaran mahkamah untuk menamakan Setiausaha Agung YB Dato Seri Sanusi Junid sebagai mewakili anggota-anggota lain UMNO dan ini menyebabkan peguam YB Dato Seri Sanusi Junid, Encik G. Sri Ram, berkata beliau mempunyai banyak yang hendak diperkatakan mengenai perkara itu.

4 Februari :

Setelah beberapa hari mendengar hujah-hujah yang dikemukakan oleh peguam-peguam yang mewakili 11 orang dan UMNO, Mahkamah Tinggi menolak permohonan 11 ahli UMNO untuk mendapatkan perintah supaya pemilihan puncak pimpinan parti itu diadakan semula. Hakim Datuk Harun Hashim ketika menolak permohonan itu memutuskan bahawa UMNO adalah sebuah pertubuhan tidak sah serta Perhimpunan Agung pada 24 April 1987, juga tidak sah. Hakim berkata, beliau tidak dapat meluluskan permohonan oleh kumpulan 11 itu untuk membetulkan keadaan kerana pada waktu yang berkenaan UMNO merupakan pertubuhan tidak sah di bawah Akta Pertubuhan. Keputusan Hakim dibuat pada kira-kira pukul 6.20 petang.

Dalam keputusannya, Hakim Datuk Harun berkata, Seksyen 12 (3) Akta Pertubuhan itu bukan sahaja dengan jelas menetapkan bahawa Cawangan yang belum diluluskan itu sebagai tidak sah, bahkan juga badan induknya (pertubuhan) juga tidak sah. Akta itu menurut beliau, telah digubal kerana Parlimen ingin memastikan pematuhan ketat oleh mana-mana pertubuhan yang didaftarkan di bawah Akta tersebut. UMNO telah menubuhkan Cawangan-Cawangan tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan Pendaftar Pertubuhan dan dengan itu UMNO sendiri, beliau dapati, adalah sebuah pertubuhan tidak sah. Inilah yang pepatah Melayu sifatkan sebagai sebab nilai setitik rosak susu sebelanga, tambah beliau.

Menyentuh permohonan kumpulan itu untuk mendapatkan perintah meminta Setiausaha Agung UMNO dan UMNO Malaysia mengadakan pemilihan semula, Hakim Datuk Harun berkata, beliau tidak fikir yang beliau boleh memberi perintah yang dipohon itu kerana UMNO kini adalah sebuah pertubuhan tidak sah. Menurut undang-undang bila saja ia dianggap haram, maka ia akan kekal haram, tegas beliau.

(Rencana ini berdasarkan laporan-laporan yang tersier dalam akhbar-akhbar tempatan).



Diterbitkan oleh Bahagian Penyelidikan, Ibu Pejabat Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (Baru) atau UMNO, Tingkat 8, Menara Dato Onn, Jalan Tun Ismail, 50480 Kuala Lumpur.

Rekod & Perkembangan

PENUBUHAN UMNO (BAKALAH) DAN UMMNO

No. 2/88

PENUBUHAN SEMULA UMNO

Penubuhan UMNO (baru) adalah akibat secara langsung dari pengharuman UMNO (lama), yang memaksa sebuah parti baru didaftarkan bagi mengisikan kekosongan dalam politik orang-orang Melayu. Sekumpulan ahli-ahli UMNO lama telah menghadapkan UMNO lama ke mahkamah kerana tidak berpuas hati dengan keputusan dalam Perhimpunan Agung UMNO pada 24 April 1987. Mahkamah membuat keputusan bahawa seluruh pertubuhan UMNO adalah tidak sah disebabkan terdapat di dalamnya beberapa Cawangan yang tidak berdaftar.

Jika pihak yang mendakwa berhalang Perhimpunan Agung akan diadakan semula dan pertandingan dibuat kali kedua, harapan mereka itu musnah kerana UMNO sendiri sudah wujud lagi. Seluruh ahli-ahli UMNO berada dalam keadaan amat sulit kerana sudah kehilangan parti yang dicintai mereka. Orang-orang Melayu turut merasa gelisah kalau-kalau kuasa politik tradisional mereka akan terlucut akibat dari tindakan puak yang tidak berpuas hati itu. Kestabilan politik negara juga boleh ikut terjejas.

Keputusan Perhimpunan Agung diumumkan menunjukkan YAB Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad telah beroleh 761 undi berbanding 718 undi yang diperolehi lawannya, YBM Tengku Razaleigh Hamzah, dengan itu memberi kemenangan kepada yang dahulu itu seorang 43 undi daripada jumlah perwakilan seramai 1,479 yang telah membuang undi. Kemenangan yang kecil bagi YAB Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad telah menimbulkan keghairahan di kalangan penyokong-penyokong calon Presiden yang tewas bahawa kumpulan mereka adalah kuat, justeru berhak membuat tuntutan-tuntutan ke atas pihak yang menang. Kata-kata awal oleh calon Presiden yang tewas bahawa beliau menghormati keputusan yang telah dibuat oleh ahli-ahli perwakilan dan akan memberi kerjasama kepada pucuk pimpinan secara dua hala, tidak dapat dilaksanakan.

Telah timbul gambaran bahawa calon Presiden yang menang itu 'tidak cukup' menang semata-mata kerana majoriti kemenangan itu kecil. Selaras dengan prinsip dan amalan demokrasi, YAB Dato Seri Dr. Mahathir pada 19 Mei 1987 mengumumkan ahli-ahli Kabinetnya terdiri dari ahli-ahli UMNO yang telah menyokongnya walaupun ada desakan-desakan supaya mereka yang menentang juga diambil. Pendirian YAB Dato Seri Dr. Mahathir ialah orang-orang yang sanggup bertanding hendaklah juga sanggup menerima keputusan walaupun tidak menguntungkan mereka.

REAKSI SETELAH TEUAS :

Setelah satu pihak tewas dan penyokong-penyokongnya tidak mendapat tempat dalam kerajaan, timbulah gara-gara untuk membawa UMNO ke mahkamah atas dakwaan kononnya Perhimpunan Agung pada April 1987 tidak sah dan perlu dicadangkan semula dengan kerana terdapat Bahagian-Bahagian yang perwakilannya tidak sah. Perwakilan Bahagian-Bahagian ini tidak sah berpunca dari kehadiran wakil-wakil dari Cawangan-Cawangan yang tidak berdaftar. Mengapakah perkara ini tidak menjadi penting sebelum Perhimpunan Agung berlangsung? Sebabnya ialah calon Presiden yang tewas merasa



pasti akan beroleh kemenangan dalam pemilihan itu, maka tidak harus mempersoalkan kelayakan Perwakilan yang hadir dalam Perhimpunan Agung.

Tindakan saman berpunca dari perkiraan politik pihak yang telah tewas itu. Benar bahawa ada surat-surat yang telah dituliskan kepada Setiausaha Agung UMNO mengenai Cawangan-Cawangan yang tidak berdaftar, mungkin dengan tujuan supaya persidangan Cawangan dan mesyuarat Perwakilan Bahagian-Bahagian berkenaan dianjurkan semula. Tetapi setelah mengikut dakwaan mereka, surat-surat itu tidak mendapat layanan, tiada sebarang tindakan diambil untuk menghadapkan pimpinan UMNO ke mahkamah sebelum Perhimpunan Agung 1987 atau sebarang ahli bangun di waktu Perhimpunan Agung untuk menyatakan perjalanan Perhimpunan itu tidak sah.

Soal adanya Cawangan-Cawangan tidak berdaftar bukan perkara baru. Sejak tahun 60'an dan 70'an malah talian-tahun 80'an terdapat beribu Cawangan yang tidak sah dari segi undang-undang negara kerana tidak berdaftar. Namun Perhimpunan Agung berlangsung setiap tahun dan ahli-ahli Majlis Tertinggi UMNO dipilih, atas dasar Cawangan-Cawangan ini adalah sah setelah penubuhannya diluluskan oleh dua pertiga ahli-ahli Jawatankuasa Bahagian di mana Cawangan-Cawangan itu berada. Tidak ada siapa menimbulkan bahawa Cawangan-Cawangan berkenaan tidak sah dan pemimpin-pemimpin yang terpilih melalui Perhimpunan Agung seperti YTM Tun Abdul Rahman, Allahyarham Tun Abdul Razak atau YBhg Tun Hussein Dnn tidak sah.

Semangat yang wujud ialah menjaya keutuhan UMNO dan perpaduan ahli-ahlinya. Kalau ada sesebuah Cawangan yang tidak berdaftar menurut Akta Pertubuhan, tidak dipandang berat. Pihak yang menang atau kalah di sesuatu peringkat pertandingan tidak menggunakan isu Cawangan tidak berdaftar oleh kerana antara Cawangan-Cawangan seperti itu ada yang menyelahi mereka dan ada menyelahi pesaing-pesaing mereka. Bagaimanapun, menyedari bahaya wujudnya Cawangan-Cawangan yang tidak berdaftar, langkah-langkah yang telah diambil sejak tahun 1984 bagi mendaftar seluruh Cawangan-Cawangan UMNO hingga dalam masa yang singkat lebih 5,000 Cawangan-Cawangan itu telah didaftarkan.

Sungguhpun begitu ada juga Cawangan-Cawangan yang gagal untuk didaftarkan tetapi tetap mengadakan Persidangan Cawangannya dan menghantar wakil-wakil ke mesyuarat Perwakilan Bahagian. UMNO pusat tidak mengetahui segala ini oleh sebab adanya sesetengah Bahagian yang menerima kenadiran wakil Cawangan-Cawangan ini di mesyuarat Perwakilannya dan gagal memberitahu kepada Ibu Pejabat mengenainya.

UMNO DISAMAN :

Dalam keadaan ini, setelah berlangsungnya Perhimpunan Agung UMNO April 1987 dan kumpulan itu telah tewas, isu Cawangan tidak berdaftar menjadi senjata yang dinanti-nantikan untuk memukul kumpulan yang telah menang. Penyokong-penyokong calon Presiden yang tewas, melalui peguam-pegawai mereka mengemukakan writ pada 25 Jun 1987 menuntut perisyiharan dan perintah mahkamah supaya UMNO Malaysia dan Setiausaha Agungnya, YB Dato Seri Sanusi Juniti, mengaturkan pemilihan semula bagi Cawangan-Cawangan yang terlibat di Bahagian-Bahagian UMNO Pasir Putih, Machang, Rantau Panjang di Kelantan dan UMNO Bahagian Pekan, Pahang Darul Makmur.

Mereka juga menuntut perintah supaya UMNO Malaysia dan Setiausaha Agung parti itu mengadakan semula pemilihan pucuk pimpinan UMNO. Mereka juga memohon perisyiharan bahawa semua pemegang jawatan yang dipilih dalam Perhimpunan Agung UMNO 1984 sebagai masih wujud menurut undang-undang dengan kuasa yang diperuntukkan sehingga tamat tempoh perkhidmatan mereka atau sehingga pemilihan baru dibuat.



UMNO DIHARAMKAN :

Pada 4 Februari 1988 iaitu hari terakhir pembicaraan kes UMNO, Hakim Datuk Harun Hashim membuat keputusan UMNO adalah sebuah pertubuhan haram dan permohonan dari sebelas orang ahli UMNO supaya mengisyiharkan Perhimpunan Agung pada 24 April 1987 sebagai tidak sah ditolak. Katanya, beliau tidak perlu mengisyiharkan pemilihan itu tidak sah kerana UMNO dengan sendirinya menjadi tidak sah mengikut Seksyen 12 (3) Akta Pertubuhan 1966. Menurut Akta itu sebelum sesebuah Cawangan itu dapat berfungsi, ia hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kebenaran daripada Pendaftar Pertubuhan.

KEDUDUKAN YAB DATO SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD SEBAGAI PERDANA MENTERI :

Berikutnya dengan keputusan mahkamah itu, YAB Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan bahawa kedudukannya sebagai Perdana Menteri tidak terjejas walaupun Mahkamah Tinggi mengisyiharkan UMNO sebagai sebuah pertubuhan haram. Katanya, kerajaan tidak ada kena mengena dengan apa yang sedang dihadapi oleh UMNO. Begitu juga, menurut pendapat peguam-peguam, keputusan mahkamah tidak menjasakan kerajaan yang dibentuk melalui perlumbaan di mana sebuah parti yang mewakili golongan majoriti yang telah menang dalam pilihanraya berhak mengemukakan pemimpin utamanya sebagai Perdana Menteri.

TIDAK BERCADANG MERAYU :

Pada keesokan hari, YAB Dato Seri Dr. Mahathir berkata beliau tidak bercadang merayu terhadap keputusan Mahkamah Tinggi. Ini kerana mahkamah membuat keputusan yang memihak kepada UMNO dengan menolak saman yang dikemukakan oleh sebelas ahli UMNO. Seterusnya beliau berkata keputusan mahkamah mengharamkan UMNO tidak sekali-kali membunuh semangat orang-orang Melayu yang mendokongnya. Semangat inilah yang akan menegakkan semula UMNO dan menjadikan masalah teknik yang dihadapi tidak penting lagi.

Katanya apa yang berlaku sekarang berpunca daripada tindakan kumpulan 11 orang ahli UMNO yang membawa masalah dalam parti ke mahkamah, akibat cita-cita dan impian besar sesetengah orang.

SOKONGAN KEPADA UMNO DAN YAB DATO SERI DR. MAHATHIR :

Menyedari bahaya yang mengancam negara dan kerana keyakinan terhadap pimpinan UMNO, pemimpin parti-parti kompenan Barisan Nasional berikrar mereka tetap bersama UMNO di saat-saat ia diisyiharkan tidak sah. Pada 5 Februari, Presiden MCA berkata partinya tetap menyokong UMNO walaupun terjadi di atas semangat setiaawan dan perjuangan bersama. Begitu juga sokongan diterima dari pemimpin-pemimpin dari MIC dan Gerakan. Hari berikutnya sekumpulan 26 orang Senator menemui YAB Dato Seri Dr. Mahathir untuk menyatakan sokongan dan berikrar akan berdiri teguh di belakang Perdana Menteri.

SIAPA BERHAK MEMIMPIN :

Pada 7 Februari, Timbalan Presiden UMNO, YAB Encik Ghafar Baba, menegaskan bahawa mereka yang telah terpilih ke Majlis Tertinggi UMNO sebelum parti itu diharamkan adalah yang paling berhak untuk memimpin orang-



orang Melayu sekarang. Naib Presiden YB Datuk Abdullah Badawi pula berpendapat orang-orang Melayu hendaklah memberi kesempatan kepada para pemimpin yang ada memikirkan cara-cara yang paling baik bagi mengatasi masalah. Katanya, sebarang usaha untuk memulihkan kedudukan UMNO tanpa pengetahuan kepimpinan yang ada hanya akan memburukkan kedudukan parti dan mungkin menyebabkan perpecahan yang kekal.

PENUBUHAN UMNO MALAYSIA :

Sempena hari jadi YTM Tunku Abdul Rahman Putra pada 8 Februari, sekumpulan ahli-ahli UMNO yang menentang pucuk pimpinan parti telah mengemukakan pada 8 Februari satu permohonan untuk mendaftarkan parti baru dikenali sebagai UMNO Malaysia. Seorang jurucakapnya berkata badan penaja parti tersebut akan segera memulakan tugas mendaftarkan semula ahli parti sebaik sahaja permohonan menubuhkan parti diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan. Parti baru itu akan mempunyai senarai ahli baru dan mengadakan pemilihan baru di semua peringkat.

LAGI SOKONGAN KEPADA YAB DATO SERI DR. MAHATHIR :

Sementara itu sokongan terus datang mencurah-curah untuk YAB Dato Seri Dr. Mahathir sebagai pemimpin UMNO dan negara. Para pemimpin Melayu di seluruh negara merasa kesal dan sedih dengan tindakan YTM Tunku Abdul Rahman dan orang-orangnya menubuhkan parti UMNO Malaysia, kerana ia akan menggeruhkan lagi keadaan. Pada 8 Februari, 12 parti kompenan Barisan Nasional mengadakan pembincangan tidak rasmi dengan Timbalan Perdana Menteri dan memberi sokongan yang tidak berganjak kepada Perdana Menteri, YAB Dato Seri Dr. Mahathir. Mereka ialah; YB Datuk Dr. Ling Liang Sik (MCA), YB Dato Sammy Vellu (MIC), YB Dato Dr. Lim Keng Yaik (Gerakan), YB Datuk Patinggi Haji Taib Mahmud (PBB), YB Tun Datu Mustapha Harun (USNO), Encik Paranjit Singh (PPP), YB Datuk James Wong (SNAP), YB Datuk Amar Stephen Yong (SUPP), Haji Wan Ismail Wan Ibrahim (Hamim), Dato Wan Hashim Ahmad (Berjasa).

PENUBUHAN UMNO 88 :

Pada 9 Februari, YB Dato Seri Sanusi Junid selaku Setiausaha Agung UMNO menjawab surat daripada pejabat Pendaftar Pertubuhan yang telah dikemukakan pada 6 Februari. Surat itu meminta Setiausaha Agung UMNO supaya menyatakan sebab mengapa UMNO tidak boleh dibatalkan. Berentak dengan jawapan kepada Pendaftar Pertubuhan, YB Dato Seri Sanusi Junid mengemukakan permohonan untuk mendaftarkan sebuah parti yang dinamakan sebagai UMNO 88.


Keesokannya, Pendaftar Pertubuhan menolak kedua-dua permohonan UMNO Malaysia dan UMNO 88 kerana pendaftaran UMNO belum dibatalkan. Menurut sumber-sumber, pihak Pendaftar Pertubuhan hanya membatalkan pendaftaran UMNO asal pada 12 Februari.

PEMBATALAN UMNO ASAL :


Dalam kenyataan pada 11 Februari, YB Dato Seri Sanusi Junid menyebut UMNO telah memberitahu Pendaftar Pertubuhan bahawa kegagalan mendaftarkan 30 Cawangan parti itu berlaku dengan tidak sengaja. Parti itu meryahskan kepada kebijaksanaan Pendaftar itu untuk menentukan nasibnya. Inilah di antara jawapan YB Dato Seri Sanusi kepada surat tunjuk sebab yang diterimanya daripada Pendaftar Pertubuhan pada 6 Februari.



LAMA



BARU



PENUBUHAN UMNO BARU :

Berikutnya dengan penolakan permohonan untuk mendaftarkan UMNO Malaysia dan UMNO BB pada 12 Februari, hari berikutnya pada 13 Februari Perdana Menteri YAB Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri, YAB Encik Ghafar Baba, Menteri Penerangan, YB Dato Mohamad Rahmat dan Menteri Kewangan, YB Dato Paduka Daim Zainuddin mengemukakan permohonan kepada pejabat Pendaftar untuk mendaftarkan UMNO baru. Pada 15 Februari, Pejabat Pendaftar mengesahkan bahawa permohonan mereka untuk menubuhkan UMNO baru diluluskan.

IKRAR TAAT SETIA :

Pada 14 Februari, Ketua-Ketua Kerajaan Negeri, Ahli-Ahli Parlimen, Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri serta para Senator Barisan Nasional melafazkan ikrar taat setia kepada kerajaan pimpinan YAB Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad. Antara kandungan ikrar :

"Kami berikrar mempertahankan dan memperkuuhkan kepimpinan rakyat dan negara di bawah pimpinan YAB Dato Seri Dr. Mahathir dan YAB Encik Ghafar Baba daripada segala ancaman yang cuba memecahbelahkan permuakatan dan perpaduan serta keharmonian rakyat berbilang kaum di negara ini".

MESYUARAT DEWAN TERTINGGI BARISAN NASIONAL :

Dalam kekalutan politik yang melanda, Dewan Tertinggi Barisan Nasional bersidang pada 16 Februari 1988 bertempat di Hotel Pan Pacific. Mesyuarat ini melantik Presiden MCA, YB Datuk Dr. Ling Liong Sik sebagai Pengerusi setelah kekosongan jawatan berkaitan yang sebelumnya disandang oleh Perdana Menteri, YAB Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad (UMNO). Oleh kerana UMNO diharamkan maka dengan sendirinya jawatan itu menjadi kosong.



Mesyuarat ini membincangkan permohonan UMNO (baru) untuk menyertai Barisan Nasional setelah parti itu didaftar dan diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan pada 15 Februari 1988. Hasil perbincangan itu, UMNO (baru) diterima menyertai Barisan Nasional dan Ahli Dewan Tertinggi juga dengan sebulat suara bersetuju melantik semula YAB Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad sebagai Pengerusi, manakala YAB Encik Ghafar Baba sebagai Setiausaha Agung dan YB Dato Paduka Daim Zainuddin sebagai Bendahari.

Setelah UMNO (baru) diterima menyertai Barisan Nasional dan ketigatiga tokoh itu dilantik semula memang jawatannya masing-masing, mereka itu dengan sendirinya dibenarkan menyertai mesyuarat dan YAB Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad mempergerusikan mesyuarat itu.

JEMPUTAN DARIPADA TUNKU :

YAB Dato Seri Dr. Mahathir berkata pada 16 Februari beliau telah menerima jemputan untuk menyertai UMNO Malaysia yang ditaja oleh Tunku Abdul Rahman tetapi menolaknya. Sebabnya ialah parti yang ditubuhkan itu tidak diluluskan oleh Pendaftar dan parti UMNO (baru) sendiri telah didaarkan. Nota : Jemputan untuk YAB Dato Seri Dr. Mahathir menjadi ahli jawatankuasa parti UMNO Malaysia tidak dibuat terlebih dahulu pada 8 Februari.

Pada hari yang sama, YAB Dato Seri Dr. Mahathir menjelaskan bahawa YB Dato Mohamad Rahmat dilantik menjadi Setiausaha Agung Jawatankuasa Pertubuhan UMNO (baru) menggantikan YB Dato Seri Sanusi Junid yang sedang menjalani rawatan di Amerika Syarikat.

KEIKHLASAN YBM TENKU RAZALEIGH HAMZAH :

Dalam kenyataannya pada 16 Februari, YAB Dato Seri Dr. Mahathir mempertikai keikhlasan YBM Tengku Razaleigh Hamzah yang mempersoalkan kenapa beliau tidak menggunakan satu peruntukan di bawah Akta Pertubuhan 1966 untuk menyelamatkan UMNO sebelum dibawa ke mahkamah. Menurut Perdana Menteri, mereka itu seder peruntukan itu ada dan sepatutnya mereka beritahu kita (pimpinan UMNO) mereka rela supaya Seksyen 70 itu digunakan dan dengan itu kes mereka akan gagal.

Penjelasan ini bagi menjawab tuduhan bahawa beliau tidak berusaha menjaga kepentingan UMNO dengan tidak menggunakan Seksyen 70 Akta itu seangkan beliau mempunyai hak berbuat demikian. Menurut Seksyen tersebut, Menteri Dalam Negeri boleh menurut budi bicaranya dengan bertulis mengecualikan mana-mana pertubuhan yang didaftarkan di bawah Akta ini daripada segala atau mana-mana jua daripada Akta ini.

IKRAR KAKITANGAN IBU PEJABAT :

Pada 16 Februari 1988 juga seramai lebih kurang 50 orang pegawai dan kakitangan Ibu Pejabat UMNO Malaysia termasuk kakitangan akhbar Merdeka telah mengadakan perjumpaan dengan Perdana Menteri, YAB Dato Seri Dr. Mahathir di pejabatnya. Perjumpaan itu diadakan untuk mendengar pesanan dari Perdana Menteri, selaku Presiden UMNO baru berhubung dengan masalah pengharaman UMNO ekoran saman yang dikemukakan oleh 11 orang ahli parti. Selain itu perjumpaan juga diadakan untuk melafazkan ikrar sokongan kepada YAB Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad di atas sebarang tindakan yang diaambil bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh UMNO dan ahli-ahlinya.



PENGAMBILAN AHLI-AHLI BARU :

Pada 18 Februari, Timbalan Presiden UMNO (baru), YAB Encik Ghafar Baba memberi jaminan bahawa Jawatankuasa Penaja Parti itu akan mengambil kembali kesemua ahli UMNO lama kecuali mereka yang benar-benar membuat kacau sehingga parti berpecah belah. Beliau menegaskan pengambilan semula ahli-ahli UMNO lama untuk menjadi ahli UMNO baru tidak boleh dibuat secara otomatis seperti mana yang dicadang oleh beberapa pihak termasuk kumpulan 11.

MESYUARAT PERTAMA MAJLIS TERTINGGI UMNO :

Jawatankuasa Penaja atau Majlis Tertinggi UMNO (baru) mengadakan mesyuaratnya yang kali pertama pada 21 Februari 1988, bertempat di Seri Perdana. Menghadiri mesyuarat selama 3 jam ini ialah Presiden YAB Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad, Timbalan Presiden, YAB Encik Ghafar Baba, Setiausaha Agung, YB Dato Mohamad Rahmat, Bendahari, YB Datuk Paduka Daim Zainuddin dan YB Datuk Haji Hussein Ahmad.

Menteri-menteri Besar dan Ketua Menteri yang hadir ialah YAB Dato Seri Amar Haji Wan Mokhtar (Terengganu), YAB Dato Muhammad bin Haji Mohd. Taib (Selangor), YAB Dato Seri Khalil Yaakob (Pahang Darulmakmur), YAB Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin (Johor), YAB Dato Paduka Osman Aroff (kedah), YAB Dato Haji Mohamad Yaakob (Kelantan), YAB Dato Seri Ramli Ngah Talib (Perak), YAB Dato Dr. Hamid Pawan Teh (Perlis), YAB Datuk Seri Abdul Rahim Tamby Chik (Melaka). Menteri Besar Negeri Sembilan, YAB Datuk Mohd Isa Abdul Samad tidak hadir kerana banjir.

Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri pusat yang hadir ialah YBM Tengku Ahmad Rithauddeen, YB Datuk Abu Hassan Omar, YB Encik Anuar Ibrahim, YB Dato Seri Najib Tun Abdul Razak, YB Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi, YB Dato Sabaruddin Chik, YB Datuk Napsiah Omar, YB Dato Dr. Yusof Noor, YB Datuk Paduka Rafidah Aziz, YB Dato Megat Junid bin Megat Ayub, YB Dato Tajol Rosli bin Tan Sri Ghazali, YB Dato Haji Khalid Yunus, YB Dato Wan Abu Bakar.

Lain-lain termasuk YB Haji Ahmad Shahibuddin Mohd Nor, YB Dato Khaidi Haji Abdullah, YB Encik Mohd. Noor bin Mohd. Dom dan YBhg. Dato Shamsuri bin Haji Mohd Saleh. Turut hadir ialah YB Dato Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman yang dilantik dalam mesyuarat ini. YB Dato Seri Sanusi Junid yang sedang menjalani rawatan di luar negeri, tidak dapat hadir.

BENDERA DAN SIMBOL UMNO :

Dalam kenyataannya pada 21 Februari 1988, Setiausaha Penaja UMNO (baru), YB Dato Mohamad Rahmat menyebut bahawa Pendaftar Pertubuhan telah meluluskan bendera UMNO (baru) dan simbolnya. Bendera dan simbol baru itu telah dicadangkan bersama dalam permohonan Presiden Penaja YAB Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad kepada Pendaftar Pertubuhan pada 13 Februari 1988.

Menurut YB Dato Mohamad Rahmat, Pendaftar tidak menolak bendera dan simbol yang dicadangkan itu walaupun sekali imbas ianya sama dengan bendera dan simbol UMNO (lama). Perubahan-perubahan yang minimum telah dibuat pada yang lama itu.

Bendera UMNO (baru) adalah tanpa tiang. Keris yang di dalam bulatan kuning berwarna hijau tua dan tidak hijau muda seperti pada bendera lama. Garis bawah pada bendera juga dalam warna hijau tua berbanding dengan hijau muda dalam bendera lama. Garis atas pada bendera pula sekarang berwarna merah, manakala yang dahulu berwarna hitam. Pada logo UMNO hanya di-



buat dua perubahan, iaitu kedua-dua keris mempunyai hulu yang lebih pendek serta lebih lebar.

UMNO PERKUATKAN JENTERA :

Dengan terdaftarnya UMNO (baru) dan mesyuarat Majlis Tertinggi dia-dakan, beberapa keputusan dibuat dan langkah-langkah diambil bagi memperkuatkan parti ini sebagai lambang perjuangan orang-orang Melayu, menggantikan UMNO lama. Perlembagaan parti yang diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan dikaji dan diteliti sekiranya ada pindaan-pindaan yang harus dibuat untuk menjadi lebih lengkap dan padat.

Keputusan diambil supaya Jawatankuasa Penaja peringkat Perhubungan, Bahagian dan Cawangan diwujudkan segera. Pengurusi-pengurusi Perhubungan bagi semua Negeri dan Wilayah Persekutuan dilantik dan cedangan Pengurusi-pengurusi Jawatankuasa Bahagian diluluskan. Tetapi struktur parti serta serba sedikitnya tentulah mengalami perubahan sesuai dengan tuntutan-tuntutan baru. Sebagai langkah permulaannya, Majlis Tertinggi parti berkuasa meluluskan jawatan Ketua Bahagian dan Ahli-ahli Jawatankuasa Penaja Bahagian yang menjadi badan penggerak di peringkat bawah.

Tugas yang terpenting ialah mendapatkan keyakinan orang-orang Melayu terhadap UMNO yang baru ditubuhkan. Untuknya, pucuk pimpinan amat menyedari bahawa kempen penerangan perlu digerakkan segera dengan mengadakan kursus-kursus dan ceramah-ceramah yang dikendalikan oleh ahli-ahli parti. Kerancakan pendaftaran ahli-ahli baru adalah menjadi ukuran pengaruh dan sokongan kepada UMNO (baru) setelah melalui pergolakan dan tentangan dari pihak-pihak yang tertentu.

Hakikat wujudnya UMNO (baru) bagi mewakili kepentingan orang-orang Melayu dan kepentingan negara amnya tidak dapat dinafikan. Perancangan-perancangan yang teliti dibuat bagi memastikan kejayaan parti pada setiap langkah. Tanda-tanda menunjukkan ia akan terus hidup bagi memperjuangkan tujuan-tujuan asal UMNO ditubuhkan.



Diterbitkan oleh Bahagian Penyelidikan, Ibu Pejabat Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (Baru) atau UMNO, Tingkat 8, Menara Dato Onn, Jalan Tun Ismail, 50480 Kuala Lumpur.

GERAKAN MENGGULINGKAN DATO SERI DR. MAHATHIR
DAN LAIN-LAIN PEMIMPIN UMNO



Dato Musa Hitam telah meletakkan jawatan sebagai Timbalan Presiden UMNO dan Timbalan Perdana Menteri. Tidak ada ahli UMNO menyuruh beliau meletakkan jawatannya. Orang Melayu yang ingin kepada perpaduan dan keamanan dan cinta kepada UMNO dan tanahair merasa hairan, kesal, keliru dan ada yang marah. Beliau mempunyai alasannya sendiri dan menyatakan alasannya itu di dalam suratnya kepada Presiden Parti YAB Dato Seri Dr. Mahathir. Beliau dipujuk, dirayu untuk menarik balik perletakan jawatannya itu. Beliau hanya sanggup untuk kembali sebagai Timbalan Presiden tetapi tidak sebagai Timbalan Perdana Menteri. Kenapa dan mengapa beliau bertindak demikian? Sebenarnya Allah s.w.t telah menggerakkan hati beliau untuk berbuat demikian. Dan Allah meletakkan satu ujian kepada negara dan ummat Islam. Allah yang Maha Mengetahui yang cinta dan memberikan taufik dan rahmat kepada penganut ugamaNya yang dikasihinya. Di tempat Dato Musa telah dinaikkan YAB Encik Ghaffar Baba. Ini adalah kuasa Allah dan takdir beka.

Dari surat-surat yang dihantar oleh Dato Musa kepada Dato Seri Dr. Mahathir jelas sekali bahawa beliau membantah lantikan YB Tengku Razaleigh sebagai ahli kabinet - malah beliau juga membantah Perdana Menteri melantik orang-orang Tengku Razaleigh ke jawatan-jawatan penting dalam kerajaan dan Parti. Meskipun beliau sudah berjaya mengalahkan Tengku Razaleigh tetapi beliau menaruh dendam terhadap Tengku Razaleigh dan pengikut-pengikutnya. Jelaslah Musa seorang pendendam dan mempunyai hati batu. Beliau tidak mahu persaingan dan akan menghapuskan sebarang persaingan terhadap diri dan pengikut-pengikutnya. Sebagai pemimpin politik, dia hanya memikirkan 'survival' dirinya sahaja dan bukan survival bangsa Melayu, tanahair dan agama Islam. Siapa juga yang tidak setia dengan fikiran, tindak-tanduk dan keinginannya mestilah dihapuskan dari politikal arena dan dimatikan karier politik mereka.

Biro Tata Negara

Semenjak Biro Tata Negara diujudkan ianya diletakkan di bawah jagaan Timbalan Perdana Menteri. Tujuan Biro ini ditubuhkan ialah untuk mengembangkan semangat cinta kepada tanahair, kesedaran mengenai tanggungjawab sebagai warganegara dan memupuk perpaduan di kalangan rakyat negara ini. Dato Musa telah menyafahgunakan kuasa. Beliau telah melantik YB Dato Abdullah Ahmad Badawi bertanggungjawab di atas Biro itu. Biro itu telah mengubah haluan. Kursus-kursus, perjumpaan sulit dan ceramah-ceramah yang diadakan oleh Biro itu menekan kepada indokterinasi untuk menguat dan mengekalkan survival Dato Musa dan Dato Abdullah Ahmad Badawi sendiri. Mereka inilah kononnya yang akan mengambil alih negara sebagai Perdana Menteri Menteri dan Timbalan Perdana Menteri. Sebelum diambil untuk menyertai kursus yang dianjurkan oleh Biro itu tatarbelakang peserta itu telah dikaji dan mereka diuji oleh pegawai-pegawai yang terlatih untuk menentukan samada mereka sesuai atau tidak. Mereka yang terpilih telah diberikan pandangan-



pandangan, fikiran-fikiran untuk mempastikan survival Dato Musa dan Abdullah Ahmad Badawi. Mereka inilah mata dan telinga Dato Musa di dalam UMNO, pejabat-pejabat kerajaan dan di bidang swasta. Ketika itu juga timbul kontroversi mengenai fatihan yang memakai pakaian seragam ala Mao Tse Tung yang dianjurkan oleh RISDA di bawah orang kuat Dato Musa iaitu Dr Mohammad Nor Abdullah yang telah dijanjikan akan dilantik sebagai Ketua Menteri Melaka. Segala kekuatan Biro itu dan melalui kader-kader yang dilatih olehnya telah digunakan semasa Dato Musa dan Dato Abdullah Ahmad Badawi bertanding dalam Perhimpunan Agung tahun 1981 dan 1984. Peletih-peletih yang dikeluarkan oleh Biro itu telah diarahkan menjatuhkan sesiapa juar yang tidak sealigned dan menghalang kemaraan Dato Musa dan Dato Abdullah Ahmad Badawi dalam politik UMNO. Kepada mereka, semua duri dalam daging kepada kedudukan mereka mestilah dijatuhkan muaf dari cawangan-cawangan, bahagian-bahagian dan Majlis Tertinggi. Berbagai angkara telah ditimbulkan oleh budak2 Dato Musa dan Dato Abdullah Ahmad Badawi. Sebagai contoh di Negeri Johor. Berbagai 'rahsia' Tan Sri Osman Saat telah dibongkar dan dihebohkan ke seluruh negara. Budak-budak Dato Musa di Kementerian Penerangan telah menghebohkan kononnya ada skandal seks di Kementerian itu. Tujuan mereka ialah untuk menjatuhkan YB Mohamed Rahmat sebagai Menteri Penerangan. Orang-orang Dato Musa berpendapat bahawa Mohamed Rahmat adalah political rival kepada Dato Musa di Johor dan Dato Shahrir. Apatah lagi pada ketika itu ahli UMNO Johor berpendapat bahawa Mohamed Rahmat patut menggantikan tempat Tan Sri Osman Saat sebagai MB dan Ketua Perhubungan UMNO Johor. Banyak contoh-contoh fain yang boleh disebut di sini. Fahmi Ibrahim ahli EXCO Negeri Selangor dan orang kuat Dato Harun Idris di dalam ucapananya di Perhimpunan Agung UMNO pada tahun 1985 telah menghuraikan gerakan yang kotor dan tidak sihat yang dimainkan oleh Biro Tata Negara. dalam pemilihan rebutan Jawatan MT pada tahun 1984. Pada tahun 1984 Dato Harun Idris menentang Dato Musa bersama dengan Tengku Razaleigh. Dato Harun kalah dengan mendapat 35 undi. Kini Dato Harun bersama puja dengan Dato Musa dan Tengku Razaleigh untuk menjatuhkan Dr. Mahathir dan Encik Ghaffar.

Adakah benar bahawa orang2 yang kini menyatakan bahawa mereka menyokong Tengku Razaleigh dan Dato Musa kini mahukan perubahan ataupun ada sesuatu yang lain yang terpendam dalam hati sanubari mereka ataupun semata-mata mahu mengekalkan kedudukan dan kepentingan diri sendiri dan mengharapkan kemenangan bagi kumpulan mereka.

Ahli Majlis Tertinggi yang begitu lantang memburuk-burukkan Dato Seri Dr Mahathir, En. Ghaffar Baba, Anuar Ibrahim dan Rafidah Aziz ialah Dato Rais Yatim. Memang kita tidak sangka Dato Rais Yatim tergamac berbuat demikian. Tetapi bagi sesiapa juga yang mengikuti dengan teliti segala sepak terjang Dato Rais dalam permainan politiknya sudah dapat menduga bahawa beliau seorang yang tidak stabil, seorang yang jiwanya tidak tenteram. Beliau seorang yang telah menimbulkan krisis dalam politik UMNO N.Sembilan. Beliau telah memberitahu Dato Yazid bahawa dia (Dato Yazid) akan dilantik sebagai MB N.Sembilan. Beliau telah menafikan pernah menyatakan demikian kepada Dato Yazid. Dato Yazid Baba telah mencabar beliau untuk bersumpah menjunjung Quran dalam masjid. Berita ini disiarkan oleh semua suratkhabar tanahair. Dalam kes pembunuhan Dato Taha, Ketua UMNO Bahagian Tampin, N.S. dan dalam perbicaraan ke

atas Dato Mokhtar Hashim, saksi-saksi telah memberi keterangan bahawa mereka telah pergi menemui Dato Musa Hitam dan Dato Rais Yatim dua hari sebelum Dato Tahar dibunuh untuk mendapatkan kepastian dan keputusan mengenai dengan perkara-perkara yang tertentu. Tetapi tidak ada penyelesaian kepada masalah yang mereka hadapi. Dato Tahar telah dibunuh, Dato Mokhtar Hashim di penjara seumur hidup. Berakhirlah karier (penglibatan) politik Dato Tahar, Dato Mokhtar Hashim dan Dato Yazid Baba. Satu daripada sebab yang Dato Rais telah tidak dipilih sebagai Naib Presiden UMNO 1984 iaialah oleh kerana kontroversi kes ini. Dalam pemilihan untuk MT pun beliau telah mendapat tempat di bawah. Ada pihak yang mengatakan bahawa mereka pernah terdengar Dato Rais mengatkan "kalau ingin benar Dato Tahar hendak bertanding dalam pilihanraya ini, (tahun 1982) habiskan sahaja dia". Mengikut Dato Rais sendiri beliau pernah ditawarkan jawatan penting oleh Lee Kuan Yew, Perdana Menteri Singapura apabila beliau tamat sahaja meraih ijazah undang-undang dari Universiti di Singapura. Mungkin Lee Kuan Yew berbuat demikian di atas nasihat ALEX JOSEY, seorang Yahudi yang menjadi Penasihat Politik kepada Lee Kuan Yew. Beliau juga seorang pakar ilmu jiwa perwatakan yang mungkin telah dapat melihat trait yang ada pada Dato Rais untuk dijadikan ayam didek mereka bagi menikam bangsa dan memimpin Melayu dari belakang. Dato Rais Yatim akan bertanding sebagai Naib Presiden. Dato Abdullah Ahmad Badawi juga akan bertanding, sebagai Naib Presiden. Dato Harun Idris juga akan bertanding sebagai Naib Presiden. Mereka kononnya adalah penyokong kuat Musa-Tengku Razaleigh. Ahli UMNO faham mengapa Dato Rais Yatim membuat ucapan-ucapan yang begitu keras di K.Terengganu dan di tempat-tempat lain - lebih keras daripada ucapan Dato Abdullah Ahmad Badawi. Dalam persaingan untuk jawatan Naib Presiden itu beliau perlu menunjukkan bahawa beliau lebih berani, lebih tegas dan lebih kuat dari Dato Abdullah Ahmad Badawi dalam menyokong Dato Musa-Tengku Razaleigh, supaya beliau dianggap hero oleh kumpulan itu dan moga-moga dapat meraih undi yang paling tinggi sebagai Naib Presiden.

PAKATAN DAVOS

Adalah diketahui oleh umum bahawa pakatan untuk menjatuhkan Dr. Mahathir dimeterai oleh Dato Musa dengan YBM Tengku Razaleigh di DAVOS, sebuah kota di Switzerland. Switzerland dikenal sebagai negara berkecuali. Soalnya mengapa DAVOS dipilih? Pakatan itu disaksikan oleh YB Dato Seri Najib bin Tun Abdul Razak. Pengasas fahaman ZIONISM, THEODORE HERZL (1860-1904) dan lain-lain pemimpin Yahudi pernah berhimpun di DAVOS dan BASLE, Switzerland semasa mereka merancang untuk mengujudkan negara Israel di tanah Palestin. Risalahnya yang terkenal berjudul DER JUDENSTAAT ditulis di DAVOS dan BASLE. Di DAVOS juga banyak terdapat villa-villa (rumah-rumah kediaman) jutawan orang-orang Yahudi (International Jewish Bankers). Apakah musihat pemilihan DAVOS sebagai tempat untuk dimeteraiakan pakatan Musa-Tengku Razaleigh yang kiri dikalangan pengikut mereka dipanggil PAKATAN DAVOS atau PERJANJIAN DAVOS. Adakah pemilihan DAVOS satu kebetulan atau ada sesuatu yang lebih besar dari itu? Kini kita dengar perkataan Forum Perpaduan yang dianjurkan oleh kumpulan Dato Musa-Tengku Razaleigh. Istilah itu bukan istilah baru tetapi suatu istilah yang di cetuskan oleh THEODORE HERZL dalam mengembangkan perpaduan orang Yahudi di seluruh dunia untuk mengujudkan negara Israel di Palestin. Dalam PAKATAN DAVOS taktik dan strategi telah diatur dan dibincangkan. Begitu juga pembahagian kerusi Majlis Tertinggi di antara penyokong Musa

Tengku Razaleigh.

PAKATAN DAVOS bertujuan menggulingkan kerajaan pimpinan Dr. Mahathir dengan satu cara yang unik. Ahli-ahli kabinet yang ada sekarang dilaga-lagakan supaya ujud perpecahan dalam kabinet. Segala yang telah dilakukan oleh kerajaan akan dikecam. Contohnya pembinaan Jambatan Pulau Pinang, mengadakan industri kereta Proton Saga, pembinaan bangunan Daya Bumi, pembinaan Pusat Dagangan Dunia Putra dan Hotel Pan Pacific. Golongan Musa-Razaleigh mengatakan bahawa mereka mahu membawa perubahan. Apakah perubahan yang dimaksudkan? Dari apa yang dicakap-cakapkan oleh YB Abdul Kadir bin Sheikh Fadhil dasar-dasar yang diamalkan oleh kerajaan sekarang tidak menguntungkan negara dan rakyat.

Di antara dasar-dasar yang akan diubah :

1. Penerapan nilai Islam
2. Hubungan luarnegeri yang lebih mirip kepada Dunia Islam dan PLO (Palestine Liberation Organization)
3. Hubungan luarnegeri yang lebih rapat kepada Negara-negara Dunia Ketiga.
4. Dasar Pandang ke Timur
5. Keperluan UMNO untuk mengadakan muzakarah dengan PAS.
6. Dasar Pelajaran yang kini menitikberatkan unsur-unsur Islam dan peningkatan pelajaran ugama Islam dan nilai-nilai Islam
7. Dasar ekonomi negara dan lain-lain.

Mengikut apa yang dikata oleh orang-orang Dato Musa pembinaan dan pengujudan Sekolah-sekolah Menengah Agama Kementerian Pelajaran adalah membazir dan tidak perlu. Cukup sahaja dengan cara sekarang iaitu pelajaran Ugama Islam diajar di sekolah-sekolah biasa. Mengikut mereka juga, pembinaan Universiti Islam Antarabangsa juga membazir oleh kerana di UM dan di UKM sudah ada Fakulti Pengajian Islam. Cadangan dan rancangan UIA ini cuma akan membanyakkan kader-kader PAS. Jika Malaysia mahu mendapat sokongan negara Barat projek UIA ini di 'slow down' kan dan dasar-dasar yang tersebut diatas dihapuskan. Kalau ianya diteruskan maka iaanya akan mendatangkan akibat politik dan ekonomi yang buruk kepada negara Malaysia.

Mereka yang kini menyokong untuk menaikkan Dato Musa dan YBM Tengku Razaleigh tidak faham diatas tujuan yang sebenarnya gerakan yang sedang dibuat oleh mereka itu. Ada pula diantara mereka yang cuba mengambil kesempatan untuk mendapatkan tempat yang lebih kukuh dalam UMNO dan politik tanahair.

Mereka yang memainkan peranan dalam kumpulan Musa-Tengku Razaleigh bukannya terdiri daripada orang-orang yang matang atau dapat memahami sepak terajang politik Musa-Razaleigh.

Dato Ajib Ahmad. Beliau berasib baik kerana setelah sahaja lulus dari UM beliau dilantik oleh Dato Musa sebagai Setia Usaha Politiknya dan selepas itu terus dilantik sebagai MB Johor. Beliau telah cuba memburukkan karier politik Dato Mohamed Rahmat, Ustaz Yusuf Ma'lim Kuning, Tan Sri Osman Saat dan Tan Sri Sulaiman Ninau Shah. Pemerintahan Negeri Johor tidak menampakkan apa-apa kemajuan dan perubahan di bawah pimpinannya. Perdana Menteri terpaksa menegur mengenai dengan kekotoran dan kebersihan bandar Johor dan Tambak Johor setelah Perdana Menteri mendapat aduan dari orangramai. Perkara yang mencemarkan nama baik negara yang mudah diatas pun tidak dapat diselesaikan oleh Dato Ajib. Matanya tidak nampak bagaimana keadaan kebersihan di Singapura.

YB Dato Najib b Tun Hj Abdul Razak. Dalam usia 23 tahun bapakaudaranya Tun Hussein Onn yang ketika itu Perdana Menteri Malaysia telah mengangkatnya menjadi Setia Usaha Parlimen dan kemudian Timbalan Perdana Menteri. Ramai ahli UMNO ketika itu tidak puashati dan menganggap Tun Hussein mengamalkan nepotisme. Najib sendiri menganggap beliau satu penjelmaan dari AlIahyarham Tun Razak. Tetapi Najib bukan AlIahyarham Tun Razak. Cara beliau berpolitik adalah seperti orang buang batu sorok tangan. Selalu mahu cari jalan selamat. Musa pun sokong, Dr. Mahathir pun sokong. Syed Hamid sokong, Anuar Ibrahim pun sokong. Politik cara ini ialah politik opportunis. Beliau seorang yang pengikut dan takut membuat pendirian sendirian. Dari segi akhlak dan perwatakan pula, memang sudah diketahui umum kebiasaan beliau terutama dengan wanita-wanita jelita di K.L. Baharu-baharu ini beliau telah berkahwin dengan ROSMAH seorang janda yang beranak tiga. Sebelum ROSMAH diceraiakan oleh suaminya masyarakat di KL sudah tahu bahawa Najib seringkali kelihatan bersama dengannya malah selalu menginap di tempat yang sama di sebuah kondominium. Dalam hal ini memang Najib terkenal sebagai seorang yang berani. Cakap tidak serupa bikin.

YB Adib Adam. Semasa beliau ahli kabinet, beliau lebih banyak menumpukan perhatian kepada projek-projek perumahan dan ladangnya sendiri seperti Projek Perumahan Mengkuang Heights di Ulu Kelang. Projek ini kini terbengkalai dan Dato Adib dikhabarkan menanggung beban hutang yang berat dengan bank.

YB Kadir Sheikh Fadhil. Sehingga tahun 1972 Kadir bin Sheikh Fadhil masih dipanggil dengan nama Sheikh Abdul Kadir anak lelaki Sheikh Fadhil. Orang Melayu dan ahli UMNO memang baik dan baik budi. Beliau juga menghadapi keadaan rumah tangga yang tidak tenteram. Setakat ini telah tiga kali kahwin dan kini seorang duda. Beliau marah kepada Dr. Mahathir kerana terlalu slow memberikan "political promotion" (kenaikan pangkat dalam politik). Kawan-kawan yang lebih junior telah menjadi Menteri penuh manakala beliau sendiri masih tinggal sebagai Timbalan Menteri.

YB Shahrir Samad. Dalam usia yang sangat muda beliau telah menjadi Menteri penuh. Kepalanya sudah menjadi besar. Ada orang memberi gelaran bahawa beliau Menteri Katun. Kata Shahrir " Saya seorang yang mempunyai kebolehan sebab itulah saya terpitih menjadi ahli kabinet ". Lihat berita yang dikeluarkan dalam harian The Star.

Golongan Musa-Razaleigh sudah takut kepada ayat Quran dan Hadis dan mengatakan bahawa ada PAS dalam UMNO oleh kerana adanya orang UMNO yang ketika berucap menggunakan ayat Quran dan Hadis. Kepada ahli-ahli UMNO orang Musa mengatakan YAB Dato Seri Amar Wan Mokhtar, Menteri Besar Terengganu, Dato Dr Yusof Nor dan kini Ustaz Yusof Matim Kuning dan lain yang berkelelus-an Azahar bersama dengan mereka. Ini satu usaha untuk mengabui mata ahli-ahli UMNO. Kumpulan Dato Musa memang berusaha menggambarkan bahawa mereka mendapat sokongan ahli-ahli Ugama yang berkelelus-an Azahar. Tetapi ini adalah satu taktik dan strategi untuk menentukan kemenangan golongan itu. Jika mereka yang berkelelus-an Azahar faham tentang intisari PAKATAN DAVOS mereka tentu tidak akan memberikan apa jua sokongan. Allah telah menggerakkan hati YAB Dato Wan Mokhtar dan beliau tefahpun menyatakan sokongannya kepada pimpinan YAB Dato Seri Dr. Mahathir. Allah juga telah menggerakkan Dato Musa supaya meletakkan jawatan sebagai Timbalan Presiden UMNO dan Timbalan Perdana Menteri kerana Allah sayang kepada ummat Islam di negara ini. Allah juga sayang kepada UMNO dan bangsa Melayu. Janganlah kita puia memberi tempat kepada mereka yang menentang kebangkitan Islam. Mariyah kita semua tewaskan PAKATAN DAVOS yang sangat merbahaya itu pada 24hb April 1987 ini.

Di dalam masa kita banyak menghadapi masalah pembangunan, ekonomi dan politik dalam masa itulah musuh-musuh luar dan dalam mengambil kesempatan. Perpecahan dikalangan orang Melayu akan menguntungkan orang lain. Perpecahan di antara rumpun bangsa Melayu (Konfrontasi Indonesia-Malaysia) maka ujudlah Republik Singapura. Kita tidak mampu ketika itu menahan tekanan kuasa asing di samping menghadapi serangan dari Indonesia. Ahli-ahli UMNO hanya dapat menyatakan kesal dan mencurahkan airmata ketika itu.

Renunglah muka anak-anak cucu-cucu saudara. Fikirkantah kepada zuriat yang akan datang dan keutuhan bangsa, ugama dan negara sebelum saudara berlepas dari rumah masing-masing.

Selamat bersidang

Wassallam.



ANWAR
AKAN MENYERTAI PAS



Megat Junit telah membayangkan bahawa Anwar Ibrahim akan menyertai PAS sekiranya gagal merebut jawatan Naib Presiden. Beliau berkata demikian semasa berucap kepada perwakilan Perak di majlis tertutup pada malam 20 April di Pan Pasifik Hotel.

Kita yakin bahawa pengucapan itu adalah suara Anwar sendiri. Ini memandangkan hubungan yang rapat antara Megat Junit dengan Sdr. Anwar. Megat Junit tidak akan berkata demikian, kerana beliau tahu implikasinya.

Kita faham bila Anwar melepaskan jawatan Ketua Pemuda dan kemudian tewas untuk jawatan Naib Presiden, maka Anwar akan menjadi ahli biasa. Inilah sesuatu yang tidak mampu dihadapi oleh Anwar.

Anwar selama ini tidak pernah tewas dalam siri-siri pertandingannya. Kiranya kali ini dia tewas, maka ketewasan ini merupakan satu pukulan yang maha pedih. Beliau kehilangan bintang darjatnya. Hilang semua.

Kita lihat Anwar telah membuat apa saja untuk mencapai cita-citanya. Beliau sanggup menjual prinsip. Beliau menuduh Kuli-Musi dikelilingi oleh orang-orang yang rendah moral, kakil diskon dan lain-lain. Tapi dimasa yang sama Anwar bersekongkol dengan Sen. Azman Attar, Abdullah Ahmad, Ghaffar Baba dan Megat Junit dan lain-lain.

Siapa tak kenal Azman Attar? Siapa tak tahu kerapnya Megat Junit ke Kesino Genting ?. Tapi Anwar pejamkan matanya kerana kedua gurkha ini boleh membawa untung-untung tak ubah seperti pepatuh : lukah menghadap ke hulu, semua boleh masuk.

Dulu semasa ingin menguasai PAS beliau telah menghantar Auz. Fadhil Nor, Auz.Nakhie, Sdr. Halim Arshat, Sdr. Mat Sabu dan lain-lain. Tapi bila menyedari bahawa PAS tidak akan dapat berkuasa dan tak dapat memenuhi hajatnya. Anwar meninggalkan mereka. Dia pun berjihad dan masuk UMNO.

Memandangkan keadaan ini, kita yakin bahawa amaran Megat Junit itu adalah suatu peringatan yang benar. Tapi soalnya, apakah kita ahli-ahli UMNO mesti menyediakan tempat yang sentiasa siap dan mudah untuk Anwar bertenggek. Apakah kita ahli-ahli UMNO harus merebahkan badan kita untuk dititi oleh Anwar ke jawatan yang lebih tinggi bagi memenuhi cita-cita besarnya.

Apakah selama ini belum cukup, selepas kita menyediakan ruang untuk dia berpayung tejun ke dalam UMNO. Dan selepas itu dia mencampakkan tali-tali payung itu kepada ahli-ahli ABIM. Kemudian dengan tali yang sama mereka menjerut leher kita seorang demi seorang.

Kekuatan UMNO selama ini bukan kerana Anwar dan ahli-ahli ABIM. kekuatan UMNO kerana perjuangan ahli-ahli yang konsisten; walaupun nawaitu kita sentiasa dipersoalkan oleh Anwar. Nawaitu kita biarlah alah yang menentukannya.



Kita sayangkan Anwar, tapi kita lebih sayangkan UMNO.

Kita tak pernah meninggalkan UMNO. Tapi anwar tinggalkan ABIM kerana mahu mendapatkan sesuatu dalam UMNO.


Kita tak pernah menaiki platform PAS. Tapi Anwar telah melakukannya.

Kita tak hairan kalau apa yang disuarakan oleh Megat Junit itu benar-benar terjadi.

Hutang kita kepada UMNO bukan kepada Anwar.

Hubaya! Hubaya para perwakilan UMNO.

NAWAITU ANWAR



**REALIGNMENT KONFLIK ELIT POLITIK DALAM UMNO PADA
MASA KEPEMIMPINAN MAHATHIR MOHAMAD (1981-1988)**

1981	Musa Hitam	Konflik dengan	Tengku Razaleigh Hamzah
1982	Anwar Ibrahim didukung oleh Mahathir Mohamad	Konflik dengan	Suhaimi Kamaruddin
1984	Musa Hitam didukung oleh Mahathir Mohamad	Konflik dengan	Tengku Razaleigh Hamzah
1986	Mahathir Mohamad	Konflik dengan	Musa Hitam
1987	Mahathir Mohamad, Ghaffar Baba, Anwar Ibrahim dalam <i>Team A</i>	Konflik dengan	Tengku Razaleigh Hamzah, Musa Hitam, Abdullah Ahmad Badawi dalam <i>Team B</i>
1988	Mahathir Mohamad, Abdullah Ahmad Badawi, Musa Hitam dan <i>Team A</i>	Konflik dengan	Tunku Abdul Rahman, Tengku Razaleigh Hamzah dan sebagian yang berasal dari <i>Team B</i>

**ELIT POLITIK DALAM UMNO YANG TERPILIH MELALUI
PEMILIHAN UMNO PADA MASA KEPEMIMPINAN MAHATHIR
MOHAMAD 1981-1988.**

Pemilihan UMNO 1981	Presiden : Mahathir Mohamad <i>Timbalan Presiden</i> : Musa Hitam <i>Naib Presiden</i> : Ghaffar Baba Datuk Harun Idris Tengku Ahmad Rithauddeen
Pemilihan UMNO 1984	Presiden : Mahathir Mohamad <i>Timbalan Presiden</i> : Musa Hitam <i>Naib Presiden</i> : Wan Mokhtar Wan Ahmad Ghaffar Baba Abdullah Ahmad Badawi
Pemilihan UMNO 1987	Presiden : Mahathir Mohamad <i>Timbalan Presiden</i> : Ghaffar Baba <i>Naib Presiden</i> : Wan Mokhtar Wan Ahmad Abdullah Ahmad Badawi Anwar Ibrahim

TEAM A



Mahathir Mohamad

TEAM B



Tengku Razaleigh Hamzah



Ghaffar Baba



Musa Hitam



Anwar Ibrahim



Abdullah Ahmad Badawi

DAFTAR RIWAYAT HIDUP



Jovan, lahir di Jakarta 24 Januari 1978. Menyelesaikan pendidikan SD Negeri Selong 01 Pagi Senopati, SMP Negeri 56 Melawai, dan SMA Negeri 3 Setiabudi, di wilayah Jakarta Selatan. Meraih Ahli Madya Program Studi Ilmu Budaya Inggris Fakultas Ilmu Pengetahuan Budaya Universitas Indonesia. Menamatkan Pendidikan Sarjana pada Jurusan Ilmu Politik, Program Studi Perbandingan Politik Fakultas Ilmu Sosial dan Ilmu Politik Universitas Indonesia. Di tahun 2009 penulis meraih gelar Magister Humaniora Program Pascasarjana Jurusan Ilmu Sejarah (Konsentrasi Wilayah Asia Tenggara) Fakultas Ilmu Pengetahuan Budaya Universitas Indonesia. Minat studi dari penulis adalah ilmu sejarah serta ilmu politik, khususnya tema mengenai suksesi kepemimpinan, konflik politik, partai-partai politik, elit-elit politik, masalah pertahanan, kebijakan publik, kebijakan negara dan diplomasi pada wilayah nasional, regional maupun global. Saat ini penulis sedang aktif mengamati proses perkembangan sejarah dan politik di wilayah nasional dan regional.